



28 April 2022
28 April 2022
P.U. (A) 142

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (NO. 4) 2022

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 4) ORDER 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 4) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2022**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“individu yang layak” ertinya seorang individu yang bermastautin di Malaysia dan membuat suatu pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan;

“pengendali pendanaan ramai ekuiti” ertinya—

(a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*]; dan

(b) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai pengendali pasaran yang diiktiraf untuk mengendalikan suatu platform pendanaan ramai ekuiti di Malaysia di bawah Garis Panduan Pasaran Diiktiraf yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;

“platform pendanaan ramai ekuiti” ertinya suatu platform pengumpulan dana ekuiti dalam talian yang dikendalikan oleh pengendali pendanaan ramai ekuiti;

“Suruhanjaya Sekuriti Malaysia” ertinya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [Akta 498];

“syarikat nomini” ertinya suatu syarikat yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016;
- (b) bermastautin di Malaysia; dan
- (c) ditubuhkan oleh suatu pengendali pendanaan ramai ekuiti di Malaysia untuk menerima pelaburan daripada individu yang layak bagi maksud pelaburan melalui suatu platform pendanaan ramai ekuiti dalam suatu syarikat penerima pelaburan;

“syarikat penerima pelaburan” ertinya suatu syarikat yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016, tidak termasuk syarikat persendirian terkecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 2 Akta Syarikat 2016;
- (b) bermastautin di Malaysia; dan
- (c) dihoskan di suatu platform pendanaan ramai ekuiti untuk menawarkan syernya;

“syer” ertinya syer yang ditawarkan di platform pendanaan ramai ekuiti.

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan seorang individu yang layak berkenaan dengan suatu amaun daripada pendapatan agregatnya dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, daripada pembayaran cukai pendapatan dalam tahun taksiran kedua selepas tahun taksiran yang suatu pelaburan dibuat oleh individu yang layak itu.

(2) Individu yang layak dalam subperenggan (1) hendaklah—

- (a) membuat suatu pelaburan dalam suatu syarikat penerima pelaburan pada atau selepas 1 Januari 2021 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2023; dan
- (b) membuat suatu pelaburan dalam bentuk pemegangan syer yang dibayar secara tunai kepada suatu syarikat penerima pelaburan melalui suatu platform pendanaan ramai ekuiti atau melalui suatu syarikat nomini (selepas ini disebut sebagai “pelaburan”).

(3) Bagi maksud perenggan ini, amaun yang dinyatakan di bawah subperenggan (1) hendaklah—

- (a) suatu amaun yang bersamaan dengan lima puluh peratus amaun pelaburan yang dibuat oleh individu yang layak itu dan hendaklah tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi setiap tahun taksiran; dan
- (b) terhad kepada sepuluh peratus daripada pendapatan agregat individu yang layak itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang pengecualian itu diberikan.

(4) Jika amaun yang disebut dalam subperenggan (3) melebihi pendapatan agregat individu yang layak itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang baginya pengecualian itu diberikan, lebihan amaun itu tidak boleh dibayar balik kepada individu yang layak itu atau digunakan sebagai kredit untuk menolak liabiliti cukainya bagi tahun taksiran itu atau mana-mana tahun taksiran berikutnya.

(5) Pengecualian di bawah perenggan ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa—

- (a) individu yang layak itu mendapat suatu perakuan tahunan daripada pengendali pendanaan ramai ekuiti berhubung dengan pelaburan dan amaun pelaburan, dan perakuan tahunan itu hendaklah ditentukan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- (b) pelaburan itu tidak dilupuskan, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dalam tempoh dua tahun dari tarikh pelaburan itu dibuat; dan
- (c) individu yang layak itu tidak mempunyai ibu atau bapa, termasuklah ibu atau bapa mertua, anak, termasuklah anak tiri atau anak angkat mengikut mana-mana undang-undang, abang atau kakak atau adik, atau datuk, nenek atau cucu, atau suami atau isteri, yang membuat apa-apa pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan itu.

(6) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan seorang individu yang layak daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

Ketidakpakaian

4. Perintah ini tidak terpakai bagi individu yang layak—

- (a) yang telah membuat tuntutan bagi potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Suatu Syarikat Teroka atau Syarikat Modal Teroka) 2022 [*P.U. (A) 117/2022*]; atau
- (b) yang diberikan pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2014 [*P.U. (A) 167/2014*].

Dibuat 25 April 2022

[Perb. MOF.TAX(S)700-1/3/80; LHDN.AY.A.600-12/1(29)-185; PN(PU2)80/JLD. 105]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

*[Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4)
Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 4) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 4) Order 2022**.

(2) This Order has effect from the year of assessment 2021.

Interpretation

2. In this Order—

“qualifying individual” means an individual who is resident in Malaysia and makes an investment in the investee company;

“equity crowdfunding operator” means—

(a) a company incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777]; and

(b) registered with the Securities Commission Malaysia as a recognised market operator to operate an equity crowdfunding platform in Malaysia under the Guidelines on Recognised Markets issued by the Securities Commission Malaysia;

“equity crowdfunding platform” means an online equity fundraising platform operated by an equity crowdfunding operator;

“Securities Commission Malaysia” means the Securities Commission Malaysia established under section 3 of the Securities Commission Malaysia Act 1993 [Act 498];

“nominee company” means a company which is—

- (a) incorporated under the Companies Act 2016;
- (b) resident in Malaysia; and
- (c) established by an equity crowdfunding operator in Malaysia to receive investments from a qualifying individual for investment purposes through an equity crowdfunding platform into an investee company;

“investee company” means a company which is—

- (a) incorporated under the Companies Act 2016, not including an exempt private company as specified in section 2 of the Companies Act 2016;
- (b) resident in Malaysia; and
- (c) hosted on an equity crowdfunding platform to offer its shares;

“shares” means shares offered on the equity crowdfunding platform.

Exemption

3. (1) The Minister exempts a qualifying individual in respect of an amount of his aggregate income in a basis period for a year of assessment, from the payment of income tax in the second year of assessment following the year of assessment in which an investment is made by the qualifying individual.

(2) The qualifying individual in subparagraph (1) shall—

- (a) made an investment in an investee company on or after 1 January 2021 but not later than 31 December 2023; and

- (b) made an investment in the form of holding shares which are paid in cash to the investee company through an equity crowdfunding platform or through a nominee company (hereinafter referred to as the “investment”).

(3) For the purpose of this paragraph, the amount specified under subparagraph (1) shall be—

- (a) an amount equal to fifty per cent of the amount of investment made by the qualifying individual and shall not exceed fifty thousand ringgit for each year of assessment; and
- (b) limited to ten per cent of the aggregate income of the qualifying individual in the basis period for a year of assessment in which the exemption is granted.

(4) Where the amount referred to in subparagraph (3) exceeds the aggregate income of the qualifying individual in the basis period for the year of assessment for which the exemption is granted, the excess amount shall not be refunded to the qualifying individual or be available as a credit to set off his tax liability for that year of assessment or any subsequent years of assessment.

(5) The exemption under this paragraph is subject to the conditions that—

- (a) the qualifying individual obtains an annual certification from the equity crowdfunding operator in relation to the investment and the amount of investment, and that annual certification is verified by the Securities Commission Malaysia;
- (b) the investment is not disposed of, either in full or in part, within two years from the date the investment is made; and

- (c) the qualifying individual does not have parent, including a parent in law, a child, including a step child, or a child adopted in accordance with any law, a brother or sister, or a grandparent or grandchild, or a spouse, who makes any investment in the investee company.

(6) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved a qualifying individual from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the Act.

Non-application

4. This Order shall not apply to a qualifying individual—

- (a) who has made a claim for deduction under the Income Tax (Deduction for Investment in a Venture Company or Venture Capital Company Rules 2022 [P.U. (A) 117/2022]; or
- (b) who has been granted exemption under the Income Tax (Exemption) Order (No. 3) 2014 [P.U. (A) 167/2014].

Made 25 April 2022

[Perb. MOF.TAX(S)700-1/3/80; LHDN.AY.A.600-12/1(29)-185; PN(PU2)80/JLD. 105]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]